

# **ADITIF MAKANAN**

**Hukum Penggunaan Menurut  
Islam dan Isu-isu Halal Semasa**

---

**Tuan Sidek Tuan Muda  
Farhan Mohd Said**



# **ADITIF MAKANAN**

**Hukum Penggunaan Menurut  
Islam dan Isu-isu Halal Semasa**

---

**Tuan Sidek Tuan Muda  
Farhan Mohd Said**

**Penerbit  
Universiti Malaysia Pahang  
Kuantan  
2021**



اونيورسيتي مليسيا فهج  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
PENERBIT

**Hakcipta © Universiti Malaysia Pahang, 2021**

Cetakan Pertama, November 2021

Hakcipta adalah terpelihara  
Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Tuan Sidek Tuan Muda, 1973-

ADITIF MAKANAN : Hukum Penggunaan Menurut Islam dan Isu-isu Halal Semasa / Tuan Sidek Tuan Muda, Farhan Mohd Said.

ISBN 978-967-2831-21-1

1. Food additives.
  2. Food additives industry.
  3. Food--Religious aspects--Islam.
  4. Halal food industry--Malaysia.
  5. Product safety (Islamic law).
  6. Government publications--Malaysia.
1. Farhan Mohd. Said. II. Judul.  
664.06

Diterbitkan Oleh

**Penerbit**

Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang,  
Kuantan, Pahang Darul Makmur.  
Tel: 09-549 3273 Faks: 09-549 3281

Urus Cetak

**Jasamax Enterprise** (JM0300878-A)

No 55, Jalan Kebudayaan 2, Taman Universiti,  
81300 Skudai, Johor.

Tel: 07-521 2889/7829

E-mail: [jsmtmu@gmail.com](mailto:jsmtmu@gmail.com)

Pengarah Penerbit : M. Azli  
Editor : A. Humaira  
Pembaca Pruf : A. Humaira  
Reka Letak & Reka Kulit: R. W. Chamie  
Pentadbiran : A. Azianti & F. W. Riann  
Jualan & Pemasaran : N. H.

Share | Like | Tag  
<https://msha.ke/penerbitump>

# ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vii</b>
<b>PRAKATA</b>	<b>ix</b>

## **BAB 1 ADITIF MAKANAN: SATU PENGENALAN**

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Apakah itu Aditif Makanan?	1
1.2 Sejarah Penggunaan Aditif Makanan	3

## **BAB 2 PELBAGAI BENTUK DAN FUNGSI ADITIF MAKANAN**

2.0 Pendahuluan	7
2.1 Pelbagai Bentuk Aditif Makanan	7
2.2 Kegunaan Aditif	9
2.3 Sumber Aditif	14
2.4 Kod Pernomboran pada Aditif Makanan	16
2.5 Keperluan kepada Aditif Makanan dan Keselamatan Penggunaannya	17

## **BAB 3 ADITIF MAKANAN DAN HUKUM SYARAK**

3.0 Pendahuluan	23
3.1 Sumber-sumber Penetapan Hukum Penggunaan Aditif Makanan	23
3.2 Penetapan Halal Haram Aditif Makanan	34
3.3 Pandangan Hukum dan Fatwa Aditif Makanan di Malaysia	37

## **BAB 4 ISU-ISU SEMASA BERKAITAN ADITIF HALAL**

4.0 Pendahuluan	41
4.1 Pewarna Karmina (E120)	42
4.2 Renet	46
4.3 Gelatin	52
4.4 Isu <i>Istihalah</i>	53
4.5 Alkohol	60
4.6 Penggunaan Aditif Makanan 'Kod E'	65
<b>KESIMPULAN DAN PENUTUP</b>	<b>67</b>
<b>DAFTAR ISTILAH</b>	<b>69</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>75</b>
<b>BIODATA PENULIS</b>	<b>81</b>

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dengan rahmat dan inayah-Nya, penerbitan buku ini berjaya disempurnakan. Terima kasih kepada guru-guru kami yang memberi tunjuk ajar kepada kami sehingga kami mampu memahami dan memberi kefahaman. Semoga ilmu yang mereka ajarkan kepada kami dikira sebagai amal soleh yang berterusan pahalanya. Terima kasih juga kepada semua pihak yang membantu menyumbang kepada penulisan dan penerbitan buku ini. Mudah-mudahan sumbangan tersebut juga turut dihitung sebagai amal soleh.





# PRAKATA

Alhamdulillah, segala pujian dipanjatkan kepada Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat, *tabi'in* dan sesiapa yang mengikuti jejak langkah baginda SAW hingga ke hari pembalasan.

Malaysia merupakan antara negara yang terkedepan dalam pelaksanaan pensijilan makanan dan barangan halal. Seiring dengan itu juga, perbincangan isu-isu halal dalam masyarakat turut meningkat. Walau bagaimanapun, terdapat juga isu-isu yang kelihatan masih kurang jelas dalam kalangan pengguna dan kadang-kadang terdapat isu yang dipolemikkan. Antaranya ialah isu berkaitan penggunaan pelbagai aditif makanan seperti pewarna, pengawet, pengemulsi dan termasuklah aditif yang bermula dengan kod E. Keadaan ini mungkin berpunca daripada sikap masyarakat yang kurang menggunakan kaedah *tabayyun* (mengesahkan maklumat daripada sumber yang autentik dan berautoriti) atau mungkin juga kerana kekurangan bahan-bahan bacaan yang bersesuaian menjelaskan isu-isu berkenaan.

Justeru, kami sebagai penulis berusaha untuk menulis satu buku yang ringkas tentang aditif makanan dan isu-isu halal semasa berkaitan penggunaannya. Mudah-mudahan buku ini dapat membantu memberi kefahaman yang lebih baik kepada pembaca khususnya tentang aditif makanan dan hukum penggunaan menurut Islam. Kami berusaha untuk menulis dengan kaedah, gaya bahasa dan perkataan yang mudah difahami. Bagi memudahkan kefahaman pembaca,

penulis turut menjelaskan maksud beberapa istilah sains pemakanan dan istilah fiqh yang bersifat agak teknikal pada bahagian Daftar Istilah. Begitu juga bagi memudahkan pembaca yang ingin membuat rujukan kepada teks asal, kami memasukkan juga bilangan juzuk/jilid dan muka surat pada beberapa beberapa rujukan dalam teks walaupun secara umumnya kami menggunakan sitasi gaya *American Psychological Association* (APA).

Buku ini dibahagikan kepada empat bab. Dalam bab 1, takrifan aditif makanan dan perkembangan penggunaannya dijelaskan sebagai pengenalan. Dalam Bab 2, perbincangan difokuskan kepada bentuk-bentuk, fungsi dan kegunaan pelbagai aditif makanan. Di samping itu, pelbagai maklumat berkaitan sumber-sumber aditif makanan dan keselamatan penggunaannya turut dijelaskan dalam bab ini.

Dalam Bab 3, kami menjelaskan tentang penetapan hukum halal dan haram aditif makanan. Perbincangan ini bermula dengan penjelasan sumber-sumber perundangan Islam yang menjadi asas kepada penetapan hukum aditif makanan menurut syarak. Dalam bab ini, disenaraikan juga beberapa pandangan hukum yang mempunyai hubungan dengan penggunaan aditif makanan yang telah diputuskan di Malaysia.

Penulis membincangkan beberapa isu aditif halal semasa dalam bab terakhir. Isu-isu yang dibincangkan ialah pewarna karmina, renet, gelatin dan alkohol. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah isu *istihalah* yang turut memberi kesan kepada perselisihan pendapat para fuqaha pada beberapa bentuk aditif makanan. Dalam bab ini, kami turut menjelaskan secara ringkas isu berkaitan dengan aditif makanan yang bermula dengan dengan kod E yang dipolemikkan dalam media sosial. Buku ini diakhiri dengan kesimpulan dan penutup.

Semoga tulisan ini menjadi salah satu bahan bacaan yang dapat membantu pembaca memahami isu-isu halal semasa khususnya berkaitan aditif makanan dengan lebih baik.

Mudah-mudahan usaha kecil ini akan dikira sebagai amal soleh dan dikurniakan ganjaran pahala.

Terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu sehingga terbitnya buku ini. Kami amat mengalu-alukan sebarang teguran dan penambahbaikan terhadap apa-apa kekurangan yang terkandung di dalamnya.

**Tuan Sidek Tuan Muda & Farhan Mohd Said**

Universiti Malaysia Pahang

Gambang, Kuantan

2021.



# **BAB 1**

## **ADITIF MAKANAN: SATU PENGENALAN**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Sains dan teknologi sentiasa berkembang dari satu zaman ke satu zaman. Perkembangan ini turut mempengaruhi industri makanan termasuklah penggunaan pelbagai bentuk aditif makanan. Walaupun ia telah digunakan sejak dahulu, perkembangan sains dan teknologi telah menyebabkan penghasilan pelbagai bentuk aditif makanan baharu yang digunakan dalam pembuatan pelbagai produk makanan. Pada hari ini, aditif makanan adalah antara item yang penting dalam industri makanan. Berurusan pasaran global yang kompetitif, penggunaan pelbagai aditif makanan menjadi pilihan kerana ia lebih mudah, murah dan cepat.

### **1.1 APAKAH ITU ADITIF MAKANAN?**

Aditif makanan ialah apa-apa bahan yang selamat dimakan dan dimasukkan secara sengaja ke dalam makanan dengan kuantiti yang sedikit. Aditif yang ditambah akan mempengaruhi kualiti aroma, warna, rasa, tekstur serta jangka hayat makanan (Jabatan Kimia Makanan, 2017). Terdapat beberapa takrifan aditif makanan diberikan oleh pelbagai pihak sebagaimana dalam Jadual 1.1: